

Elemen dan Pendekatan Dakwah Secara Berhikmah Terhadap Golongan al-Riqāb: Kajian Terhadap Pusat Pemulihan di Negeri Selangor

BITARA

Volume 8, Issue 1, 2025: 150-167
 © The Author(s) 2025
 e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
 Received: 3 January 2024
 Accepted: 26 January 2024
 Published: 14 February 2025

[The Element and Approaches of Dakwah with al-Hikmah Towards the *al-Riqāb* Group: A Study on Rehabilitation Centers in Selangor]

Syarul Azman Shaharuddin¹, Nur Uswah Ahmad Fauzi¹, Aemy Elyani Mat Zain¹, Norsaleha Mohd. Salleh¹, Abur Hamdi Usman¹, Alawiyah Tengah²
 & Raden Saidatul Akmar Hasnan¹

¹ Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, 43000 Kajang, Selangor, MALAYSIA.
 E-mail: syarulazman@uis.edu.my; 23mt04002@postgrad.uis.edu.my

^{2*} Jabatan Pengurusan dan Perniagaan, Fakulti Ekonomi, Perakaunan dan Pengurusan, Universiti Islam Selangor, 43000 Kajang, Selangor, MALAYSIA. E-mail: alawiyah@uis.edu.my

*Corresponding Author: raden.saidatul@gmail.com

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji elemen dan pendekatan dakwah secara berhikmah terhadap golongan *al-Riqāb*, khususnya di pusat pemulihan di Negeri Selangor. Kajian ini menekankan kepentingan pendekatan dakwah yang bijaksana, fleksibel, dan relevan dalam membantu golongan *al-Riqāb* yang terbelenggu dengan masalah sosial dan akidah. Metode kajian ini menggunakan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes yang melibatkan enam pusat pemulihan yang bernaung di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan NGO berkaitan. Pensampelan kajian adalah purposif (*purposive sampling*) yang merujuk kepada guru pembimbing dan pelatih di pusat pemulihan terlibat. Pengumpulan data dilakukan melalui temu bual mendalam, pemerhatian, dan analisis dokumen, manakala analisis data menggunakan pendekatan tematik melalui perisian Atlas T.I 8. Hasil kajian menunjukkan bahawa pendekatan dakwah secara berhikmah melibatkan empat strategi utama: pendekatan berstruktur, perbincangan dan soal jawab, penyertaan aktif, serta prinsip tasawuf. Setiap pendekatan ini disesuaikan untuk memenuhi keperluan golongan *al-Riqāb* dengan menitikberatkan elemen keikhlasan, empati, interaksi sosial dan interaksi fleksibel yang membina. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan keberkesanan dakwah tetapi memupuk perubahan positif dalam kehidupan *mad'u*. Kesimpulannya, pendekatan dakwah berhikmah terbukti menjadi kaedah berkesan dalam membimbing golongan *al-Riqāb*. Ia mampu membina hubungan erat antara pendakwah dan *mad'u*, selain menyokong usaha memulihkan akidah dan sosial mereka ke arah kehidupan lebih baik selaras dengan ajaran Islam.

Kata kunci: Dakwah Berhikmah, Golongan *Al-Riqāb*, Pusat Pemulihan

Abstract

This study explores how dakwah (Islamic propagation) can be delivered with *al-hikmah* to support the *al-Riqāb* group, particularly in rehabilitation centers across Selangor. It highlights the need for thoughtful, flexible, and relevant approaches to address the social and spiritual challenges faced by

this group. Using a qualitative case study design, the research focuses on six rehabilitation centers under the Selangor Islamic Religious Council (MAIS) and associated NGOs. Data was gathered through in-depth interviews, observations, and document analysis, with purposive sampling targeting mentors and trainees at the centers. The data was analyzed thematically to uncover key insights. The findings reveal that effective dakwah with wisdom is built on four main strategies: structured approaches, interactive discussions, active participation, and spiritual principles rooted in tasawwuf (Islamic spirituality). These methods are tailored to the unique needs of the *al-Riqāb* group, emphasizing sincerity, empathy, meaningful social interaction, and flexibility. Such approaches not only improve the effectiveness of dakwah but also inspire positive changes in the lives of the recipients (*mad'u*). In conclusion, delivering dakwah with wisdom strengthens the bond between the preacher (*dā'i*) and the recipient while supporting efforts to restore the faith and social well-being of the *al-Riqāb* group. This approach serves as a powerful tool to guide them toward a better life aligned with Islamic values.

Keywords: al-Hikmah, *Al-Riqāb* Group, Rehabilitation Centers



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Syarul Azman Shaharuddin, Nur Uswah Ahmad Fauzi, Aemy Elyani Mat Zain, Norsaleha Mohd. Salleh, Abur Hamdi Usman, Alawiyah Tengah & Raden Saidatul Akmar Hasnan. (2025). Elemen dan Pendekatan Dakwah Secara Berhikmah Terhadap Golongan al-Riqāb: Kajian Terhadap Pusat Pemulihan di Negeri Selangor [The Element and Approaches of Dakwah with al-Hikmah Towards the al-Riqāb Group: A Study on Rehabilitation Centers in Selangor]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(1): 150-167.

Pengenalan

Ulama masa kini dan dahulu telah membincangkan makna Asnaf *al-Riqāb*. Menurut ulama terdahulu, *al-Riqāb* boleh ditakrifkan sebagai *kitabah* (*hamba mukatab*), penebusan tawanan, dan hamba sahaya. Namun, ulama kontemporari mentakrifkannya sebagai tawanan perang, orang Islam yang diculik, dijajah, dan dibelenggu (Azman Ab Rahman et al., 2016).

Menurut fatwa negeri Selangor yang telah diwartakan iaitu fatwa “Jenis Penerima Asnaf *al-Riqāb* Negeri Selangor dan Apa-Apa Yang Berkaitan Dengannya” telah menyenaraikan golongan yang berhak menerima zakat melalui bahagian *al-riqāb*. Antaranya ialah golongan yang mempunyai masalah sosial iaitu mereka yang terbelenggu dengan masalah sosial seperti ketagihan dadah (penagih dan bekas penagih dadah), jenayah syariah (zina, judi, arak, khalwat, buang anak, mengandung luar nikah dan sebagainya), gaya hidup songsang (LGBT, pengkid, gigolo dan sebagainya), juvana dan penyakit kronik. Seterusnya ialah mereka yang menghadapi masalah akidah iaitu mereka yang terbelenggu dengan masalah syirik dan khurafat serta usaha memurnikan akidah orang Islam yang terpesong (Rosele et al., 2021). Oleh itu, asnaf *al-Riqāb* ini memerlukan bimbingan untuk membebaskan diri daripada kesukaran yang membelenggu mereka.

Masalah sosial dan masalah akidah ialah jenis kesukaran yang membelenggu golongan *al-Riqāb* kontemporari (Azman Ab Rahman et al., 2016). Oleh itu, mereka perlu kepada

pendekatan dakwah secara berhikmah. Terdapat beberapa kajian yang meneliti pendekatan ini. Zikmal Fuad (2014) menyatakan bahawa manifestasi *al-hikmah* dalam dakwah termasuk perkara seperti memilih masa untuk bercakap atau berdiam diri, mencari persamaan antara pendakwah dan *mad'u*, bertoleransi tanpa *sibghah*, dan menggunakan bahasa yang sesuai mengikut keadaan dan keadaan *mad'u*. Seterusnya, Mubarak Ali & Elias (2022) menerangkan kajian mereka yang menggunakan pendekatan dakwah *bil hikmah* kepada saudara baru di Marawy City, Filipina yang menerangkan keperluan kepada pendidikan atas Islam adalah sama di kalangan mereka walaupun berbeza latar belakang. Selain itu, Amiruha et al. (2022), mengkaji kesan komunikasi *da'i* yang berdakwah secara *bil hikmah* untuk membaiki akhlak remaja manakala Ramizah Matussin dan Malik Thoha (2021) lebih menumpukan kepada pendekatan yang lebih umum iaitu kepada remaja bermasalah sosial.

Berdasarkan beberapa kajian ini, jelas menunjukkan kajian terhadap golongan *al-Riqāb* masih kurang dan tidak diberi perhatian. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang tersebut dengan menyelidiki elemen dan pendekatan dakwah secara berhikmah dalam konteks pusat pemulihan di negeri Selangor.

Tinjauan Literatur

Definisi Dakwah

Dakwah menurut bahasa berasal daripada Bahasa Arab iaitu daripada perkataan *da'a, yad'u*, yang bermaksud mengajak, menyuruh, memanggil. Justeru, dakwah bermaksud ajakan, seruan, dan panggilan kepada ajaran Islam (Nur, 2011). Akar kata dakwah terdapat dalam pelbagai bentuk (*fi'il* dan *isim*) dan terulang sebanyak 211 kali dalam Al-Quran. Secara istilahnya, memberikan hidayah dan petunjuk kepada orang lain atau membawa mereka ke arah keadaan dan jalan yang baik dikenali sebagai "dakwah." Dakwah juga merujuk kepada permohonan atau doa kepada Allah yang dijanjikan akan dipenuhi dengan melaksanakan semua perintah-Nya dan beriman pada-Nya. Dengan kata lain, ia bertujuan untuk mengajar pengikut-Nya bagaimana untuk berharap kepada-Nya (Husna, 2021).

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Zulkifli Abd Hamid et al. (2015), Dr. Yusuf al-Qardawi mendefinisikan dakwah sebagai perbuatan mengajak kepada Islam, mengikuti petunjuk-Nya, mengukuhkan *manhaj*-Nya di muka bumi, beribadah kepada-Nya, memohon bantuan dan taat hanya kepada-Nya, melepaskan diri daripada sebarang ketaatan kepada selain-Nya, membenarkan apa yang dibenarkan oleh-Nya, menyalahkan apa yang disalahkan oleh-Nya, dan menyeru kepada Ringkasnya, dakwah ialah meminta orang lain untuk menganut Islam tanpa mengharapkan apa-apa hasil.

Struktur Pusat Pemulihan *al-Riqāb*

Pusat pemulihan ialah sebuah penempatan yang menempatkan golongan lelaki dan wanita yang terlibat dalam gejala masalah akidah dan masalah sosial. Hal ini bertujuan untuk membantu mereka menjalani proses pemulihan (Yahaya, Abd Rahman, Hamdan, & Boon, 2001). Program

pemulihan yang dilaksanakan di pusat-pusat pemulihan merupakan suatu perkhidmatan sosial untuk membantu bagi memulihkan orang yang mempunyai masalah tingkah laku negatif (Pauzi, Saim, Sarnon, & Kamaluddin, 2016).

Antara tindakan dan langkah yang diambil oleh MAIS adalah dengan menubuhkan Sektor Pembangunan Sosial yang berada terdiri daripada empat bahagian utama, matlamatnya adalah untuk menunjukkan usaha dan tanggungjawab MAIS terhadap aspek pembangunan sosial di Negeri Selangor (Ibrahim, Ab Rahman, & Zakaria, 2019).

Salah satu daripada empat bahagian tersebut ialah Bahagian Pemulihan *ar-Riqab*. Bahagian ini berfungsi untuk:

1. Menyelaras dan menyelia aktiviti rumah kebajikan dan perlindungan di Negeri Selangor.
2. Mengurus perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada individu dan kumpulan Islam yang memerlukan pemulihan akidah.
3. Mengurus perkhidmatan perlindungan, pemulihan kaunseling kepada kumpulan wanita dan gadis yang terlibat dalam gejala sosial.

Pengenalan Kepada Golongan *al-Riqāb*

Menurut bahasa, *al-raqabah* merupakan perkataan tunggal (*mufrad*) bagi perkataan *al-Riqāb*, yang pada asalnya bermaksud *al-'unuq*, yang bererti tengkuk atau leher juga disebut dengan sebutan *al-Riqāb*. Selain itu, terdapat juga istilah seperti *arqubun*, *raqabun*, dan *raqabātūn*. Setelah itu, penggunaan kalimah *al-Riqāb* digunakan untuk orang yang memiliki sebagai *kinayah* (kiasan). Apabila disebut *a'tiqu raqabah*, ia seolah-olah merujuk kepada *a'tiqu 'abdan aw amah*, yang bermaksud, "Aku membebaskan hamba." (Ibn al-Athīr, 1963; Ibn Manzūr, 2015). Ini menunjukkan bahawa belenggu menghalang seseorang individu daripada bebas bergerak sendiri, sebagaimana haiwan peliharaan yang diikat lehernya. Justeru, *al-Riqāb* merujuk kepada hamba yang digunakan sebagai perhambaan.

Dari sudut istilah pula, *al-Riqāb* merujuk kepada hamba *al-mukātab*, yang bermaksud hamba yang mendapat bantuan untuk menjadi bebas. Mereka dianggap sedemikian kerana hamba itu menebus kemerdekaannya dengan membayar wang yang tidak cukup, atau mungkin kerana mereka menerima sedekah yang membebaskan mereka ('Abd al-Mun'im, t.th.). Menurut pendapat Ibn 'Abbās dan al-Hasan, harta zakat boleh digunakan untuk memerdekaan hamba. Mazhab Imam Ahmad, Mālik, dan Ishāq juga menerima pendapat ini. Dengan kata lain, istilah *al-Riqāb* lebih luas dan termasuk *mukātab* dan beberapa istilah lain. Ringkasnya, hamba dibeli dengan wang zakat dan kemudian dibebaskan (Ibn Kathīr, 1999). Oleh itu, dapat difahami *al-Riqāb* merujuk seseorang yang dijanjikan pembebasan oleh tuannya dan hanya dapat dilaksanakan dengan syarat membayar sejumlah wang yang diperoleh daripada derma, zakat, dan sebagainya.

Istilah *al-Riqāb* telah diperluaskan maknanya pada zaman kini. Menurut tafsiran negeri Selangor, *al-Riqāb* ialah golongan yang terbelenggu dengan masalah sosial dan akidah. Berikut ialah ciri-ciri mengikut kategori masalah *al-Riqāb* (Azman Ab Rahman et al., 2016):

A. Masalah Sosial:

1. Terdedah dengan isu gejala dadah
2. Terdedah dengan isu jenayah syariah
3. Terdedah dengan isu amalan salah laku Islam
4. Terdedah dengan isu gaya hidup songsang
5. Terdedah dengan isu kes juvana

B. Masalah Akidah:

1. Terdedah dengan isu syirik dan khurafat
2. Memurnikan akidah orang Islam yang terpesong (orang yang berhasrat untuk murtad dan orang yang dalam proses *istitabah*).

Kepentingan Dakwah Secara Berhikmah kepada Golongan *al-Riqāb*

Pendekatan dakwah berhikmah berlandaskan surah al-Nahl ayat 125 telah diterapkan secara meluas dalam kajian terdahulu (Fauzi et al., 2018; Zikmal Fuad & Ade Masturi, 2018; Husna, 2021; Alfiyah & Khiyaroh, 2022). Namun begitu, pendekatan ini jarang dikaji dalam konteks golongan *al-Riqāb*. Sebagai contoh kajian (Aini et al., 2018) yang membincangkan strategi komunikasi pemujukan dakwah kepada masyarakat orang Asli di Selangor dan mengaplikasikan prinsip hikmah, elemen interaksi sosial dan empati kepada komuniti orang asli. Selain itu, kajian Ramizah Matussin dan Malik Thoha (2021) memfokuskan dakwah ke atas remaja bermasalah sosial di negara Brunei turut mengaplikasikan metode bimbingan hikmah serta elemen-elemen dakwah yang bersesuaian dengan remaja tersebut. Pengkaji dapati pendekatan dakwah berhikmah kepada golongan *al-Riqāb* amat penting khususnya di era kontemporari ini. Hal ini kerana menurut Shaharuddin et al (2024), pendekatan dengan hikmah adalah penting bagi memastikan mereka tidak berasa dihakimi, didiskriminasi atau dikecam oleh pendakwah mereka. Kesannya, dakwah yang dilakukan terhadap mereka akan berkesan dan menjadi titik tolak untuk mereka untuk terus berubah. Oleh itu, kajian ini akan memperluas penggunaan pendekatan hikmah serta mengaplikasikan elemen dakwah *bil hikmah* kepada golongan *al-Riqāb* di pusat pemulihan, negeri Selangor.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes dengan menumpukan kepada pendekatan fenomenologi. Lazimnya, kajian kualitatif boleh disesuaikan berdasarkan permasalahan dan persoalan kajian yang sedia ada, dan ia melibatkan bidang kajian yang berkaitan dengan pemahaman yang mendalam tentang fenomena melalui penerokaan konteks yang akan dikaji (Rozmi Ismali, 2016). Terdapat enam pusat pemulihan di negeri Selangor yang menjadi sampel bagi kajian ini iaitu tiga daripadanya merupakan di bawah pentadbiran Sektor Pembangunan Sosial, MAIS manakala empat lagi di bawah NGO yang

dipantau oleh pengurusan Bahagian *al-Riqāb* MAIS. Informan yang terlibat adalah dua orang guru pembimbing dan dua orang pelatih di setiap pusat pemulihan *al-Riqāb*. Berikut ialah maklumat pusat pemulihan yang terlibat:

Jadual 1: Senarai Pusat Pemulihan *al Al-Riqāb*

No.	Pusat Pemulihan	Skop Perlindungan
1	1, Sabak Bernam	Masalah Sosial
2	2, Hulu Langat	Masalah Dadah
3	3, Sabak Bernam	Masalah Sosial
4	4, Serendah	Masalah Dadah
5	5, Batang Kali	Masalah Akidah
6	6, Kajang	Masalah LGBT

Namun begitu, kajian ini hanya melibatkan guru pembimbing dan pelatih sebagai informan kajian kerana pengkaji memotret guru pembimbing di pusat pemulihan *al-Riqab* sebagai pendakwah manakala pelatih adalah sebagai *mad'u*. Kod informan sebagai panduan adalah seperti berikut:

Jadual 2: Kod Informan yang Terlibat dalam Kajian

No.	Kod Informan	Peranan
1	GP	Guru Pembimbing
2	PL	Pelatih

Menurut, Noraini (2013), antara kaedah pemilihan sampel ialah melalui pemilihan selektif yang dipanggil sebagai *purposive sampling* atau pensampelan bertujuan mengikut kehendak dan objektif kajian ini. Pensampelan kajian adalah bertujuan kerana merujuk kepada pengusaha, pengurus, guru pembimbing dan pelatih di pusat pemulihan terlibat. Seperti mana yang dijelaskan oleh Othman Lebar (2015) iaitu sampel kajian kualitatif bertujuan untuk meningkatkan pemahaman tentang fenomena yang dikaji dengan memilih individu atau kelompok manusia yang sesuai.

Metode pengumpulan data telah dilaksanakan melalui tiga cara iaitu temubual, pemerhatian dan penilaian dokumen. Temu bual yang dilakukan secara mendalam (*in depth interview*) dan secara tidak langsung pemerhatian juga berlaku kerana temu bual ini berlaku secara fizikal. Penyelidik bertindak sebagai pemerhati, di samping menemu bual sampel kajian. Perkara ini selaras dengan pandangan Creswell. J.W & Creswell (2018), yang menyatakan temu bual, seperti “menjalankan temu bual secara bersemuka di bilik yang sama, secara maya melalui platform berdasarkan web atau e-mel,” dan pemerhatian, seperti “melaksanakan pemerhatian sama ada sebagai peserta atau pemerhati,” merupakan contoh teknik pengumpulan data kualitatif. Oleh itu, merujuk kepada kajian ini, penyelidik melakukan temu bual bersemuka setiap informan secara bergilir dalam bilik yang sama. Hal ini adalah supaya tidak timbul ketidaksesuaan antara informan yang ingin berkongsi maklumat dan data kepada pengkaji.

Transkripsi dilakukan dengan bantuan perakam suara. Setiap satu perenggan dalam setiap transkrip mengandungi maklumat peserta kajian, tempoh pemerhatian, temu bual dan tema kajian sebagai indeks untuk jejak audit. Analisis kualitatif digunakan untuk menganalisis data. Perisian yang digunakan ialah Atlas T.I 8. Menerusi perisian ini, pengkaji mengkoding penyataan informan daripada transkripsi temu bual serta menyenaraikan tema yang telah dibincangkan dan menilai kekerapan tema yang disebut oleh responden.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Menurut Nor Fazlina Abdul Rahim (2020), penyampaian mesej utama dalam dakwah ialah mestilah menitipkan keindahan Islam dan tidak dianggap ekstrem atau melampau. Oleh itu, pendekatan yang digariskan oleh Islam mestilah dijadikan panduan dan dasar dalam melaksanakan dakwah lebih-lebih lagi kepada golongan *al-Riqāb*.

Antara pendekatan dakwah ialah pendekatan menurut Al-Quran iaitu dakwah dengan hikmah, memberi nasihat yang baik dan berdebat dengan cara baik (Ramizah Matussin & Malik Thoha, 2021). Perkara ini disandarkan kepada surah an-Nahl 16:125 iaitu:

أُذْغِ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمُؤْعَظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلُهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ...

Maksudnya: Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pengajaran yang baik, dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang baik.
[an-Nahl (16) : 125]

Menurut Imam al-Qurtubi (2007), maksud ayat di atas ialah perintah Allah SWT kepada Nabi Muhammad S.A.W untuk menggalakkan orang Islam untuk mengikuti syariat Islam, yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T untuk makhluk-Nya. Wahyu dan kitab Allah perlu digunakan untuk menyampaikan dakwah. Tambahan pula, dakwah mesti disertai dengan “pelajaran atau nasihat yang baik,” iaitu peringatan yang disebut oleh Allah dalam wahyu-Nya, dan dengan cara berbantahlah dengan baik, bercakap dengan cara yang terbaik dan memaafkan mereka yang mencabar kehormatan baginda. Berikut ialah kupasan bagi elemen dan pendekatan dengan berhikmah secara terperinci:

Elemen Dakwah Secara Berhikmah di Pusat Pemulihan *al-Riqāb*

Menurut Imam al-Ghazali yang dipetik daripada Zulkifli Abd Hamid et al (2015), *al-hikam* ialah suatu keadaan jiwa atau nafsu yang dapat membezakan sesuatu dengan tepat berbanding sesuatu yang salah dalam seluruh perbuatan hamba yang dipilih sendiri. Dalam Tafsir Ibnu Katsir, ketepatan dalam perkataan dan perbuatan serta menempatkan segala sesuatu pada tempatnya ialah maksud bagi *al-hikmah* (Ramizah Matussin & Malik Thoha, 2021). Ringkasnya, kaedah yang bijaksana yang boleh digunakan oleh para pendakwah untuk mendekati *mad'u* mereka ialah dengan berdakwah secara berhikmah.

Dari segi syariah, dakwah dengan hikmah memerlukan *amar ma'ruf nahi mungkar*, yang bermaksud menyuruh atau mengajak kepada kebaikan dan menghalang kemungkaran. Ini boleh menanamkan rasa tolong-menolong dan mewujudkan persekitaran yang tenang, selamat dan selesa untuk hidup. Selain itu, melaksanakan amar makruf nahi mungkar menunjukkan bahawa manusia adalah makhluk sosial dan bukannya egois dan jahil yang tidak mengambil kira tindakan orang lain (Noer AH, 2021). Rasulullah S.A.W bersabda:

حَدَّثَنَا أَبُو سَعِيدٍ مَوْلَى بَنِي هَاشِمٍ، حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ بَلَالَ، عَنْ عَمْرُو بْنِ أَبِي عَمْرٍو، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ أَحَدِ بَنِي عَبْدِ الْأَشْهَلِ، عَنْ حُدَيْفَةَ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ، لَتَأْمُرُنَّ بِالْمَعْرُوفِ وَلَا تَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ، أَوْ لَيَبْعَثَنَّ عَلَيْكُمْ قَوْمًا ، ثُمَّ تَذَعَّرُهُ فَلَا يُسْتَجَابُ لَكُمْ

Maksudnya: “Telah menceritakan kepada kami Abu Sa'id, budak Bani Hasyim telah bercerita kepada kami Sulaiman bin Bilal dari 'Amru bin Abu 'Amru dari 'Abdullah bin 'Abdur Rahman, salah seorang dari Bani 'Abdul Asyhal dari Hudzaifah bin Al Yaman bahwa Nabi Shallallahu 'alaihi wa salam bersabda: "Demi Dzat yang jiwaku berada ditanganNya, hendaklah kalian memerintahkan kebaikan dan mencegah kemungkaran atau Allah akan mengirim suatu kaum pada kalian kemudian kalian berdoa kepadaNya lalu tidak dikabulkan". [al-Tirmidhi. 1996. Abwāb al-Fitān, Bāb mā jāa fī al-Amri bi al-Ma'ruf wa al-Nahiyyi 'an al-Munkar, no hadis 2169].

Hadis di atas jelas menunjukkan penegasan untuk mencegah kemungkaran mengikut situasi keadaan *mad'u*. Sekiranya seseorang individu muslim mempunyai kekuatan dan kekuasaan, maka hendaklah mencegah kemungkaran itu menggunakan kekuasaan dan daya yang dimiliki. Sebaliknya, jika tidak mempunyai kekuasaan dan kekuatan, maka hendaklah menggunakan lisan untuk memberi nasihat dan bimbingan (Noer AH, 2021). Perkara ini turut diaplikasikan di Pusat Pemulihan *al-Riqāb* di negeri Selangor khususnya antara pengurus dan guru pembimbing (pendakwah) serta pelatih (*mad'u*).

i. Elemen Interaksi Sosial

Hikmah datang dalam pelbagai gaya dan bentuk, seperti tegas dan lembut. Oleh kerana hikmah mempunyai kekuatan yang mempengaruhi sasaran, justeru ia tidak selalu bermaksud lembut, rahmat, kasih sayang, perkataan baik atau tenang (Shaharuddin et al., 2024). Elemen interaksi sosial secara berhikmah ini diaplikasikan di pusat pemulihan *al-Riqāb* sepertimana dinyatakan oleh informan:

“Saya sendiri melihat mereka ni berdakwah tu dia bukan menggunakan satu perkataan ataupun satu kasar Bagi saya mereka betul-betul berdakwah daripada hati.. Bagi saya tak keterlaluan Kalau saya katakan berdakwah walaupun orang kata Benda buruk Mereka kan senyum.. Kalau betul-betul .. kalau tegas.. tegas..”
(P 6)

“Pendekatan mereka berbeza. Tapi.. Cara mereka menyampaikan.. Ajaran ilmu-ilmu Islam ni.. Adalah berbeza-beza dan santai. Kami tak rasa rigid lah. Tak stress lah. Tak stress” (PL 4)

“Dia mengajar itu ikut cara macam kata kawan pun ada, cara berbual pun ada.

Dia tak ada macam, tegas pun ada dia bagi supaya kita fokus kan.” (PL1)

“Dia tak adalah serius sangat, ada yang gelak-gelak dengan mereka” (PL 1)

Melalui dapatan di atas, adalah jelas bahawa menyampaikan dakwah dengan berhikmah tidak bermakna melakukannya dengan cara yang lemah lembut, tegang, atau mengalah. Jika ini yang dimaksudkan dengan "berhikmah," maka itu bermakna lemah, meremehkan, dan rendah. Jika diperlukan dalam keadaan yang sesuai, hikmah boleh menjadi lembut dan tegas. Walau bagaimanapun, jika kita bertindak terlalu lembut pada masa yang sepatutnya kita menggunakan kekerasan, ini bukanlah contoh hikmah, tetapi kelemahan. Demikian juga, merupakan satu kesalahan untuk menggunakan kekerasan apabila sepatutnya menggunakan kelembutan (Zikmal Fuad, 2014).

ii. Elemen Ikhlas dan Empati

Keikhlasan dan empati merupakan asas dalam dakwah di mana pendakwah perlu menyampaikan niat yang tulus dan ikhlas dan memahami siapa yang mereka sedang hadapi agar dapat penyampaian mesej dakwah berkesan (Kadir, 2023). Hal ini secara tidak langsung membantu pendengar mengubah perasaan benci kepada kasih sayang kerana berasa selesa dan bersedia untuk didakwahkan. Hal ini sebagaimana dinyatakan oleh informan yang merupakan guru pembimbing selaku pendakwah di pusat pemulihan:

“Bila kita mengajar pertama, macam sesuatu pasal kepercayaan. Kita cerita siapa kita, apa kerjaya kita. Kita cerita perjalanan hidup kita. Mereka lama tu macam take time jugalah nak percaya. Lama dia tengok, baru dia cerita. Kemudian bila lama nak mengajar tu, jadi macam kawan.. Kawan lah, dia cerita semua lah” (P 1)

Menurut informan di atas, menyatakan bahawa keyakinan *mad'u* terhadap pendakwah membangun secara berperingkat. Guru pembimbing perlu menceritakan tentang diri mereka, kerjaya mereka, dan pengalaman hidup mereka bagi membina kepercayaan di kalangan pelatih. Di samping itu, kaedah dakwah yang berdasarkan empati ini juga melibatkan pendekatan hidup bersama *mad'u* di mana pendakwah boleh bergaul, bekerjasama, dan menghabiskan masa bersama mereka setiap hari. Pendekatan ini membina hubungan yang kukuh antara pendakwah dan *mad'u* selain menunjukkan contoh teladan yang baik. Seorang informan menjelaskan:

“Saya dalam masyarakat ni. Bersama dengan klien. Kita makan bersama. Kita mandi bersama. Kita main bersama. Dan masa nak pergi kebun, saya pegang cangkul. Budak-budak lain akan ikut belakang. Tak apa lah, bagi cangkul saya.

Aku tunjuk, kamu ikut semua. Melalui teladan tu, senang. Alhamdulillah. Tak ada kes” (P 2)

Kenyataan di atas disokong oleh *mad’u* seperti berikut:

“Saya rasa.. Ustaz yang ni.. Dia steady. Dia.. Tak pandang kita siapa. Makna dia orang buah lah. Dia datang diajar kita tu dengan ikhlas dia kan” (PL 1)

“Saya rasa ustaz-ustaz pun.. Boleh.. Bersama dengan kita. Boleh makan dengan kita. Makna kita rasa happy eh. Makna kalau apa satu penerimaan yang dia bagi tu.. Kita boleh ikhlas terima” (PL 1)

“Dia contoh macam ustaz Farok lah kan? Dia tak paksa kita. Dia tahu kita ni dah berumur eh. Nak dapat. Dia tak paksa kita. Maksudnya dia pun.. Terima apa yang kita buat. Tapi dengan betul lah.” (PL 1)

Dalam dakwah, keikhlasan dan empati adalah penting kerana ia membantu membina hubungan kepercayaan antara pendakwah dan *mad’u*. Untuk memastikan mesej dakwah diterima dengan hati yang terbuka, pendekatan dakwah yang melibatkan komunikasi bebas, menyertai aktiviti harian, dan menunjukkan teladan peribadi adalah penting. Pendakwah yang ikhlas dan bersimpati bukan sahaja menunjukkan contoh yang baik tetapi juga memberikan inspirasi kepada *mad’u* mereka untuk berubah ke arah yang lebih baik. Menurut Aini et al. (2018) dengan menunjukkan tingkah laku yang baik sebagai pendakwah, sasaran boleh menerima maklum balas dengan senang hati dan mengelakkan daripada bertindak defensif.

iii. Elemen Interaksi Fleksibel

Gaya pendakwah yang berinteraksi dengan fleksibel menunjukkan kebijaksanaan (hikmah) untuk mendekati *mad’u* (Muslim, 2022). Hal ini dapat dilihat apabila melibatkan interaksi yang tidak melibatkan silibus formal, membolehkan *mad’u* dapat melibatkan dalam sesi soal jawab yang terbuka dan fleksibel seperti dinyatakan oleh informan berikut:

“Kadang-kadang soalan tu tak berkaitan pun dengan pelajaran hari itu.. Kadang-kadang Ustaz akan beritahu.. luar daripada kitab pun boleh tanya lah..So banyak lah berkaitan-berkaitan fardu ain” (PL 2).

Dengan pendirian ini, *mad’u* boleh bertanya soalan yang lebih berkaitan dengan kehidupan harian mereka atau persoalan praktikal. Pendekatan ini juga memberi manfaat kepada pelatih kerana mereka merasa didengari dan lebih terlibat dalam proses pembelajaran.

“Tapi bila dah memaklumkan Ustaz Atoa..Ustaz Atoa kata boleh.. Jadi sesi tu dia akan jadi personal. Mungkin dia (Ustaz) kat luar kalau ada program kat luar, Ustaz Atoa akan luangkan masa sekejap.” (PL 2)

“Sampai pukul 2 pagi saya menjawab soalan ni. Itu siapa yang duduk di PINTAS pada awal dulu memang saya buat. Saya panggil the pillow talk Saya tak panggil

kelas pengajian lah. Dan soalan, saya nak soalan sahaja. Sampai pukul 2 pagi tak lah habis lagi soalan.” (GP 2)

Menurut penyataan di atas, pengkaji mendapati bahawa menjadi satu peluang kepada guru pembimbing sebagai pendakwah untuk menyesuaikan pendekatan mereka mengikut keperluan dan konteks orang yang didakwahkan. Hal ini kerana melalui interaksi secara fleksibel, guru pembimbing dapat menyampaikan mesej dengan lebih berkesan dan relevan di samping dapat membina hubungan yang lebih mendalam dengan pelatih.

Pendekatan Dakwah Secara Berhikmah di Pusat Pemulihan *al-Riqāb*

Pendekatan dakwah secara berhikmah menekankan kebijaksanaan dalam menyampaikan mesej dakwah Islam iaitu dengan mengambil kira konteks dan keperluan *mad'u*. Menurut (Kurniati, 2021), hikmah ialah menyesuaikan isi dan cara atau secara ringkasnya meletakkan sesuatu pada tempatnya. Beliau menjelaskan tujuan hikmah adalah untuk mengalih keluar masyarakat daripada ekstremisme yang tidak menyenangkan dan mewujudkan keadaan yang seimbang. Justeru, pengkaji dapati pendekatan dakwah dengan berhikmah dapat diaplikasi khususnya di pusat pemulihan *al-Riqāb* menerusi pendekatan dakwah berstruktur, pendekatan dakwah berdasarkan penyertaan aktif, pendekatan dakwah berdasarkan perbincangan dan soal jawab serta pendekatan dakwah berdasarkan prinsip tasawuf. Huraian setiap pendekatan adalah seperti berikut:

i. Pendekatan Dakwah Berstruktur

Di pusat pemulihan *al-Riqāb* di Selangor, pengkaji dapati pihak pengurusan menggunakan pendekatan dakwah berstruktur untuk memastikan *mad'u* memahami dan menghayati ajaran Islam secara menyeluruh. Metodologi ini bukan sahaja menekankan pengajaran yang sistematik, tetapi juga menekankan aspek pencerahan akidah dan kesedaran beragama yang wujud dalam kehidupan sehari-hari pelatih. Antara inisiatif di pusat pemulihan ialah menggunakan modul tabligh sebagai pendekatan dakwah kepada para pelatih sebagaimana dinyatakan informan di bawah:

“Kita memang ada buat macam modul tabligh. Cumanya kita buat kat sini. Kita ada panggil macam jemaah-jemaah...”(P 2)

P 2 menyatakan bahawa modul tabligh digunakan sebagai kaedah utama untuk menyampaikan mesej dakwah, aktiviti seperti *zihin*, dan *halaqah* (kumpulan pengajian kecil) dilaksanakan secara berstruktur. Aktiviti ini bertujuan untuk meningkatkan akidah dan memahami kebesaran Allah. Pendekatan ini melibatkan jemaah tabligh untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif dan berkesan. Menurut Abdul Khalim et al (2023), jemaah tabligh menekankan beberapa prinsip utama iaitu dari aspek iman, solat, ilmu dan zikir di samping amalan tasawuf dalam bentuk zikir dan merujuk amalan para wali. Justeru, pendekatan berstruktur daripada modul tabligh ini amat sesuai untuk diamalkan di pusat pemulihan yang

memerlukan ‘makanan jiwa’ dalam diri pelatih. Selain itu, guru pembimbing di pusat pemulihan *al-Riqāb* mengambil pendekatan dakwah berstruktur dengan mengajar secara berperingkat. Menurut informan:

“So, saya ambil pendekatan bila saya mengajar itu, akan kita ajar pelan-pelan.”
(GP 4)

“kita mengajar cara bercerita step by step” (GP 4)

Menurut GP 4, teknik bercerita "langkah demi langkah" adalah penting untuk mengajar secara perlahan dan berstruktur. Kaedah ini memastikan setiap subjek disampaikan dengan jelas dan difahami sepenuhnya sebelum beralih ke topik seterusnya. Pendekatan ini sesuai untuk pelajar di pusat pemulihan, yang memerlukan perhatian khusus dalam proses pembelajaran mereka.

ii. Pendekatan Dakwah Berasaskan Penyertaan Aktif (*Active Participation*)

Menurut Syaoki & Muhammad Fikri (2024), penyertaan aktif daripada *mad'u* terhadap aktiviti dakwah akan meningkatkan keberkesanan matlamat utama dakwah. Hal ini dapat dibuktikan di pusat pemulihan *al-Riqāb* di mana para pelatih ditugaskan untuk terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran dan penyampaian dakwah. Melalui pendekatan ini, pelatih bukan sahaja menjadi pendengar aktif tetapi juga aktif dalam memahami, menghayati, serta menyampaikan mesej dakwah sebagaimana penyataan informan berikut:

“Ada.. macam subjek sirah.. kitorang dibahagi-bahagikan tajuk macam saya sirah Nabi Musa ke.. Nisa sirah Nabi Isa ke.. jadi kitoang cari bahan dan present.. ustazah akan tambah” (PL 3)

Menurut penyataan di atas, pelatih dikehendaki mencari dan membentangkan bahan dalam aktiviti di mana tajuk sirah dibahagikan. Untuk meningkatkan kefahaman, guru pembimbing kemudiannya akan mengulas lebih lanjut. Ini menunjukkan aspek pembelajaran penyertaan aktif, di mana pelajar mengambil bahagian secara aktif dalam proses pembelajaran dan penyampaianya. Mereka bukan sahaja memperoleh pengetahuan tetapi juga dapat meningkatkan kemahiran komunikasi. Selain penyampaian di dalam kelas, para pelatih turut terlibat secara aktif dalam pengucapan awam seperti kenyataan informan berikut:

“Halaqah Iman kat sini yang mana kita boleh cakap tentang kebesaran Tuhan dan kita ada fasa peningkatan. Jadi, mereka yang dalam fasa ketiga ini akan dipilih hari-hari untuk bagi ucapan kat depan. Akan dipilih untuk membawa taklim taklum kat depan. Akan dipilih untuk membawa kisah-kisah para nabi, para sahabat di depan. Kisah-kisah adab, encyklopedia adab.” (P 2)

Menurut informan di atas, dalam slot *halaqah iman*, pelatih ditugaskan secara giliran untuk menyampaikan ucapan, *taklim*, dan menceritakan kisah nabi atau sahabat kepada orang lain. Dengan melibatkan para pelatih secara langsung dalam proses penyampaian, pendekatan ini mengajar mereka untuk menjadi agen dakwah. Aktiviti ini menggalakkan orang ramai untuk bertanggungjawab untuk memahami dan menyampaikan mesej Islam.

Guru pembimbing sebagai pendakwah berperanan penting untuk mendidik para pelatih khususnya untuk membina keyakinan dalam diri mereka. Oleh itu, informan di bawah turut menggunakan pendekatan dakwah berdasarkan penyertaan aktif daripada pelatih.

“Cuma saya mengajar teknik saya beza lah. Diorang adalah moderator. Dia orang akan bercakap, saya akan nilai. Mencabarlah. So, saya akan bagi contoh. Assignment dia. Saya banyak dalam sifat 20 tu. Saya kupas *asmaul husna*. Saya kata, okey, minggu depan dia ni kena present. Minggu depan dia ni kena present. Satu hari ni semua orang kena present” (GP 2)

Guru menggunakan kaedah di mana pelajar bertindak sebagai moderator dan menyampaikan pembentangan, seperti sifat 20 atau *Asmaul Husna*. Pelajar dicabar untuk memahami dan menyampaikan maklumat dengan cara yang kreatif melalui aktiviti ini, yang meningkatkan pemahaman mereka dan proses pembelajaran secara aktif.

“kalau kelas tu saya ajar, saya suruh dia rotation menjadi moderator. Moderator nak mulakan masjid. Adalah latihan-latihan yang kita buat, rotation.” (GP 2)

Menurut pernyataan di atas, pelajar dilatih untuk menjadi moderator masjid atau sesi perbincangan melalui latihan praktikal yang meningkatkan keyakinan dan kemahiran komunikasi. Ini sesuai dengan pendekatan dakwah yang mengutamakan penyertaan aktif serta membantu pelatih untuk menjadi lebih bersedia dan yakin untuk melaksanakan dakwah.

iii. Pendekatan Dakwah Berdasarkan Perbincangan dan Soal Jawab

Pendekatan dakwah berinteraktif melibatkan komunikasi dua hala di mana pendakwah bukan sahaja menyampaikan maklumat tetapi juga berinteraksi dengan audiens mereka melalui aktiviti seperti soal jawab, perbincangan dan aktiviti yang membantu mereka memahami dengan lebih baik. Menurut Zafri et al. (2023), proses yang berlaku secara interaktif atau dua hala dapat menggalakkan kedua-dua pihak bekerjasama dengan aktif serta mengembangkan ideologi dan pemahaman agama secara keseluruhan. Hal ini sebagaimana berlaku antara guru pembimbing dan pelatih di pusat pemulihan *al-Riqāb* seperti dinyatakan informan berikut:

“Macam kelas dosa-dosa besar Ustaz Zul tu. Dia lebih kepada soal jawab. Dia baca. Bila dia terap satu tajuk tu. Dia akan. Dia tanya soalnya. Dia tanya faham ke tak faham ke. Siapa yang boleh ke macam ni. So dia akan jawab soalnya.” (PL 2)

“kadang-kadang dia bagi macam Ustaz kan, dia suruh kita baca tu, lepas tu dia akan tanya kita balik. Apa yang faham daripada Ustaz?” (PL 1)


Pendekatan ini adalah selaras dengan prinsip dakwah berinteraktif, yang mengutamakan penglibatan dan penyertaan pendengar. Hal ini meningkatkan dinamik persekitaran pembelajaran, menggalakkan interaksi langsung, dan memastikan mesej dakwah lebih berkesan kerana pelatih terlibat secara langsung dalam proses memahami dan menghayati apa yang diajar.

iv. Pendekatan Dakwah Berdasarkan Prinsip Tasawuf

Pendekatan dakwah yang berasaskan prinsip tasawuf menekankan elemen *suhbah*, yang merujuk kepada persahabatan, keintiman, atau keeratan hubungan antara pelajar dan gurunya, yang dipengaruhi oleh pelbagai adab zahir dan batin (Mokhtar et al., 2021). Aspek ini adalah asas penting untuk proses *tazkiyatun nafs* (penyucian jiwa) dan pembentukan akhlak. Hal ini sebagaimana dinyatakan oleh informan di bawah:

“Saya letakkan satu syarat. Setiap yang masuk dalam Pintas, kalau dia nak keluar, dia volunteer kan lepas 6 bulan. Kalau dia nak keluar, saya kata, nombor telefon saya pastikan ada di handphone. Itu sebab syarat. Dia panggil saya, dia tu memang kita tahu dalam Tasawuf sendiri, kalau kita nak baiki seseorang itu, mesti suhbah dengan guru tak putus.” (GP 2)

Informan di atas menjelaskan bahawa proses *suhbah* diaplikasikan khususnya ketika pelatih sudah keluar dari pusat pemulihan *al-riqab*. Hal ini kerana seseorang individu akan menjadi lebih dekat kepada Allah SWT apabila dia menghabiskan masa dengan golongan *al-Sidiqqin*, iaitu melalui *suhbah*. Semakin lama *suhbahnya*, semakin dekat dia dengan golongan *al-Sidiqqin*, maka semakin kuat ketakwaannya kepada Allah SWT (Mokhtar et al., 2021). Justeru, prinsip tasawuf, terutamanya *suhbah* yang diaplikasikan ke dalam pendekatan dakwah bertujuan untuk membina hubungan yang kukuh dan berterusan antara pendakwah dan *mad'u* (sasaran dakwah). Ia adalah contoh pendekatan holistik yang mengambil kira bukan sahaja luaran tetapi juga dalaman pelatih untuk membentuk individu yang lebih baik.



Rajah 1: Rumusan Elemen dan Pendekatan Dakwah Secara Berhikmah terhadap Golongan *al-Riqab* di Pusat Pemulihan, Negeri Selangor

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, pengkaji membincangkan elemen dan pendekatan berdakwah secara hikmah kepada golongan *al-Riqāb* di pusat pemulihan, negeri Selangor. Tujuan pendekatan ini adalah untuk membantu mereka yang menghadapi masalah akidah dan sosial untuk kembali kepada ajaran Islam. Antara elemen dakwah yang dapat dilihat dalam kajian ini ialah interaksi sosial antara pendakwah dan *mad'u* di mana pendakwah menggunakan pendekatan mesra seperti berbual dan aktiviti bersama. Selain itu, elemen keikhlasan dan empati daripada pendakwah yang menunjukkan niat tulus dan memahami latar belakang *mad'u*. Elemen interaksi fleksibel yang ditunjukkan oleh pendakwah melalui penciptaan ruang untuk soal jawab yang terbuka. Kesemua elemen ini menarik minat informan untuk terus istiqamah mendapatkan bimbingan di pusat pemulihan.

Di samping itu, artikel ini turut menghuraikan pendekatan dakwah secara berhikmah melalui pendekatan dakwah berstruktur iaitu dakwah dapat disampaikan secara sistematik melalui modul. Seterusnya, pendekatan seperti menggalakkan penyertaan aktif, perbincangan dan soal jawab menekankan komunikasi dua hala antara pendakwah dengan *mad'u*. Selain itu, pendekatan dakwah dengan menggariskan prinsip tasawuf dalam kalangan *mad'u* menekankan aspek *suhbah* (hubungan akrab) dan pembentukan jiwa. Pendekatan-pendekatan yang dihuraikan ini memberi impak positif dari segi pembelajaran para pelatih di pusat pemulihan tersebut.

Ironinya, pusat pemulihan *al-Riqāb* di Selangor telah menunjukkan bahawa pendekatan dakwah berhikmah berkesan. Melalui pendekatan yang fleksibel, interaktif, dan relevan, hal ini dapat membantu memulihkan keyakinan *mad'u* terhadap ajaran Islam. Pengaplikasian pendekatan dakwah berhikmah kepada golongan *al-Riqāb* bukan sahaja boleh memulihkan keyakinan mereka terhadap Islam tetapi juga membina asas kukuh untuk mengintegrasikan mereka dalam masyarakat. Tuntasnya, artikel ini memberikan panduan penting kepada

pendakwah dan institusi dalam usaha untuk meningkatkan dakwah kepada *al-Riqāb* manakala penyelidikan masa depan harus menilai keupayaan pendekatan ini dalam konteks lain agar dapat memperluaskan impaknya.

Penghargaan

Sekalung penghargaan diberikan kepada Geran Penyelidikan Negeri Selangor (GPNS) 2023. Kod Penyelidikan: SUK/GPNS/2023/TSE/04, Universiti Islam Selangor yang bertajuk Sistem Pengurusan Kualiti Islam Pengajian Akidah di Pusat Pemulihan, Negeri Selangor.

Rujukan

- Abdul Khalim, M., Zainol, N. Z. N., & Ahiar, M. H. (2023). Preaching Approach of the Tabligh Congregation for Muslim Community in Malaysia. *Journal of Social Transformation and Regional Development*, 5(1), 51-56. <https://doi.org/10.30880/jstard.2023.05.01.007>
- ‘Abd al-Mun‘im, M. A. (t.th.). *Mu‘jam al-Muṣṭalaḥāt wa al-Alfāz al-Fiqhīyyah*. Kaherah: Dar al-Fadilah.
- Abi Isa Muhammad bin Isa al-Tirmidhi. (1996). *āl-Jāmi‘u al-Kabir* (1st ed., Vol. 1). Dar al-Gharb al-Islami.
- Aini, Z., Don, A. G., Mokhtar, A. I., & Ahmad Fauzi, N. U. (2018). Strategi Komunikasi Pemujukan Pendakwah Dalam Penyampaian Mesej Islam Kepada Masyarakat Orang Asli Di Selangor. *4th International Conference On Islamiyyat Studies 2018*, 978–967. <https://conference.uis.edu.my/irsyad/images/eproceeding/2018/1082-irsyad-2018.pdf>
- Alfiyah, A., & Khiyaroh, I. (2022). Teori Mujadalah Dalam Al-Qur'an Penerapan Metode Jidal (Debat) Dalam Konsep Dakwah. *Alamtara: Jurnal Komunikasi Dan Penyiaran Islam*, 6(2), 155–163. <https://doi.org/10.58518/alamtara.v6i2.1154>
- Amiruha, Saripuddin, M., & Usrial, H. (2022). Komunikasi Da'i dalam Penerapan Dakwah bi al-Hikmah: Upaya Perbaikan Akhlak Remaja. *TABAYYUN: Jurnal Akademik Ilmu Dakwah*, 1(1), 54-70. <https://tabayyun.dakwah.uinjambi.ac.id>
- Azman Ab Rahman, Arief Salleh Rosman, Ahmad Wifaq Mokhtar, Mohd Nasir Abdul Majid, Ahmad Najaa' Mokhtar, & Muhamad Firdaus Ab Rahman. (2016). *Kedudukan Asnaf Ar-Riqab sebagai Penerima Zakat di Malaysia* (1st ed.). Penerbit USIM & Majlis Agama Islam Selangor.
- Creswell, J.W., & Creswell, J. D. (2018). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* (Third Edition). Sage.
- Dalinur M. Nur. (2015). Dakwah Teori, Definisi dan Macamnya. *Wardah*, 12(2), 135–141. <https://doi.org/https://doi.org/10.19109/wardah.v12i2.233>
- Fauzi, A., Shahar, M., Kamal, M., Misra, A., & Hakim Bin Arshad, M. (2018). Konsep Metode Mauizah Al-Hasanah Dalam Dakwah: Satu Analisis. *4th International Conference On Islamiyyat Studies 2018*, 978–967.
- Husna, N. (2021). Metode Dakwah Islam Dalam Perspektif Al-Qur'an. *Selasar Kpi : Referensi Media Komunikasi Dan Dakwah*, 1(1), 97-105. <https://ejournal.iainukebumen.ac.id/index.php/selasar/index>

- Ibn al-Athīr, M. A. S. (1963). *al-Nihāyah fī Ghārīb al-Hadīth wa al-Athar*. Jil. 2. t.tp.: Al-Maktabah al-Islamiyyah.
- Ibn Kathīr, A. F. I. (1999). *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*. Jil. 8. Riyadh, KSA: Dar al-Tayyibah.
- Ibn Manzūr, J. M. M. (2015). *Lisān al-‘Arab*. Jil. 1. Beirut: Dār al-Fikr.
- Imam al-Qurthubī. (2007). *Tafsīr al-Qurthubī* (M. I. Al-Hifnawi & M. H. Utsman, Eds.). Pustaka Azzam.
- Kadir, A. (2023). Da’wah Bil Ihsan; Concept, Methods, And Application. *Jurnal Da’wah: Risalah Merintis, Da’wah Melanjutkan*, 5(2), 13–40. <https://doi.org/10.38214/jurnaldawahstidnatsir.v5i2.138>
- Kurniati, N. (2021). Al-Hikmah Dalam Dakwah Islamiyah. *Jurnal Dakwah & Sosial*, 1(1), 10–14. file:///C:/Users/User/Downloads/7577-28699-1-PB.pdf
- Mokhtar, A. A., Mohamad Hussin, H., Sa’ari, Z., & Aini, Z. (2021). Elemen Pembangunan Hati Menurut Syaikh Ibn ’Ata Allah al-Sakandariy. In *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Dakwah Dan Usuluddin (SIRI 2) 2021* (2nd ed., pp. 135–149). Penerbit FPPI, KUIS. https://conference.uis.edu.my/iconics/images/Ecib2021/ecib_vol2_dakwah_usuluddin.pdf
- Mubarak Ali, N. H., & Elias, N. (2022). Pendekatan Dakwah Bil Hikmah Terhadap Saudara Baru Di Filipina. *The International Journal of Islamic Studies and Culture*, 1(1), 244–250.
- Muslim, J. (2022). Implementation of Da’wah Management in Developing the Professionalism of Islamic Religious Educators. *Al-Hayat: Journal of Islamic Education*, 6(1), 240. <https://doi.org/10.35723/ajie.v6i1.300>
- Noer AH, Z. Z. (2021). Konsep Dakwah Bil Hikmah Dalam Perspektif Hadis. *Jurnal Holistic Al-Hadis*, 7(1), 15–27.
- Nor Fazlina Abdul Rahim. (2020, September 25). *Pendekatan Dakwah Ikut Arus Semasa dan Persekutaran*. BH Online.
- Noraini, I. (2013). Pensampelan. Dalam Noraini Idris (Ed.), *Penyelidikan dalam Pendidikan* (pp. 113–166). Penerbit McGraw Hill Education.
- Othman Lebar. (2015). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Matode*. . Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ramizah Matussin, S., & Malik Thoha, A. (2021). Pendekatan Dakwah Dalam Surah An-Nahl Ke Atas Remaja Bermasalah Sosial Di Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) Kampong Belimbang Subok, Negara Brunei Darussalam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 6(6), 32–40.
- Rosele, M. I., Abdullah, L., & Ahmad Nadzri, A. (2021). Perluasan Konsep Al-Riqab Dalam Pengurusan Zakat: Satu Penilaian Fiqh. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society*, 15, 17–24. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/LJMS/article/view/3478>
- Rozmi Ismaili. (2016). *Metodologi Penyelidikan Teori dan Praktis*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syaoki, M., & Muhammad Fikri. (2024). The Contribution Of Da’wah In Shaping Legal Behavior Of Urban Communities Mataram City. *Tasamuh*, 22(1), 31–54. <https://doi.org/10.20414/tasamuh.v22i1.10092>

- Shaharuddin, S. A., Ahmad Fauzi, N. U., Mohd Salleh, N., Usman, A. H., Tengah, A., Mat Zain, A. E., & Hasnan, R. S. (2024). Pendekatan Dakwah Terhadap Golongan al-Riqāb: Analisis Bersandarkan Surah An-Nahl Ayat 125. In A. E. Mat Zain & M. F. M. Abdul Mutualib (Eds.), *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Dakwah Dan Usuluddin (Siri 5) 2024*. Penerbit FPPI, Universiti Islam Selangor. <http://www.kuis.edu.my/fppi/>
- Zafri, N. D., Opir, H., & Yahaya, A. M. (2023). Dakwah Interaktif Terhadap Golongan Belia Melalui Media Sosial. *Journal of Fatwa Management and Research*, 28(2), 54–69. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol28no2.528>
- Zikmal Fuad. (2014). Pendekatan Dakwah Bi Al-Hikmah. *International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014)*, 542–547.
- Zikmal Fuad, & Ade Masturi. (2018). Mujadalah. *E-Proceeding of 3rd INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith (IMAM 2018)*.
- Zulkifli Abd Hamid, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Dr. Syarul Azman Shaharuddin, & Dr. Mariam Abd Majid. (2015). *Pengantar Ilmu Dakwah* (Z. Abd Hamid, M. Y. M. Abdullah, S. A. Shaharuddin, & M. Abd Majid, Eds.; Cetakan Pertama). Ibook Centre.